



PELAN STRATEGIK 2016-2020

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

PRAKATA

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengambil langkah ke hadapan untuk mengukuhkan dan meningkatkan profil industri pertanian dan agrimakanan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang dengan penyediaan Pelan Strategik Industri Pertanian dan Agrimakanan 2016-2020. Pelan Strategik ini adalah sebagai panduan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam usaha untuk memastikan perancangan adalah sejajar dengan visi baru; iaitu Ke Arah Pertumbuhan Keluaran Industri Berasaskan Pertanian dan Agrimakanan Melalui Peningkatan Produktiviti Dan Teknologi Tinggi Berorientasikan Eksport yang seterusnya diharapkan akan memberi sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Industri pertanian dan agrimakanan ini telah menyaksikan kemajuan yang ketara sejak tamatnya Pelan Strategik 2008-2015, di mana KDNK Pertanian meningkat sebanyak 62%, iaitu daripada B\$225.44 juta pada tahun 2008 kepada B\$366.15 juta pada tahun 2015. Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016 – 2020 ini dirangka bagi memacu industri ini ke arah mencapai halatuju yang lebih drastik bagi sektor pertanian dan agrimakanan. Sasaran pengeluaran adalah sebanyak \$1080 juta pada tahun 2020. Penekanan akan terus diberikan kepada industri tumpuan iaitu industri ayam pedaging, industri sayur, industri bunga keratan dan industri agrimakanan, di samping industri buah-buahan, industri beras, industri daging kambing/kerbau/lembu serta lain-lain pelbagai tanaman dan ternakan.

Akhir kalam, adalah diharapkan bahawa strategi dan inisiatif yang diketengahkan dalam Pelan Strategik Industri Pertanian dan Agrimakanan 2016-2020 berupaya mendukung Wawasan 2035, yang memberi tumpuan kepada aspirasi negara untuk mencapai pertumbuhan kepelbagaian ekonomi menjelang tahun 2035. Saya ingin menggesa semua agensi kerajaan yang berkaitan dan semua stakeholders dari sektor swasta, para peladang, pelabur-pelabur tempatan dan pelabur langsung asing (FDI) untuk menyertai secara aktif dalam pembangunan industri pertanian dan agrimakanan untuk sama-sama mengembeling tenaga bagi memastikan Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016-2020 mencapai kejayaan dan menepati sasaran yang digariskan.

KANDUNGAN

1. Pengenalan
2. Visi dan Misi
3. Matlamat Strategik
4. Status Masa Kini
5. Isu/Cabaran & Langkah Pembaikan
6. Sasaran dan Halatuju 2016-2020
 - i. Sasaran dan Trajektori
 - ii. Pelan Pelaksanaan
7. Struktur Organisasi

PENGENALAN

Industri Pertanian dan Agrimakanan adalah sektor-sektor sumber-sumber utama dan pemrosesan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) , Eksport dan Kepelbagaian Ekonomi.

Melalui pelan strategik yang telah dirancang, keluaran industri pertanian dijangkakan dapat meningkat secara *exponential* di mana penyumbang utama di hasilkan oleh sektor ternakan dan tanaman. Keluaran sektor pemrosesan akan dengan sendirinya terus meningkat melalui sumbangan industri ternakan dan tanaman tersebut.

Untuk memajukan lagi sektor pertanian ini, khususnya ternakan dan tanaman, di antara usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan termasuklah menggalakkan penyertaan pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan akses ke pasaran eksport.

VISI

**Ke Arah Pertumbuhan Keluaran Industri Berasaskan Pertanian dan Agrimakanan
Melalui Peningkatan Produktiviti Dan Teknologi Tinggi Berorientasikan Eksport**

MISI

**Mempercepatkan Pertumbuhan Keluaran Industri Berasaskan Pertanian dan
Agrimakanan Melalui Teknologi Tinggi Dan Berorientasikan Eksport, Dengan
Menggalakkan Penyertaan Pelaburan Tempatan Dan Pelaburan Langsung Asing Yang
Progresif, Dengan Memfokuskan Penghasilan Produk Bernilai Tinggi, Merangkumi Produk
Primer Dan Pemprosesan**

MATLAMAT STRATEGIK

- Untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran daripada sektor pertanian, penternakan dan agrimakanan secara berterusan setiap tahun sehingga dapat menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, pertumbuhan eksport dan seterusnya kepada kepelbagaian ekonomi;
- Untuk meningkatkan produktiviti keluaran daripada sektor industri pertanian, penternakan dan agrimakanan secara berterusan melalui penggunaan teknologi, penggunaan teknik moden secara meluas serta menggalakkan penglibatan secara aktif pelabur langsung asing (FDI);
- Untuk mengurangkan pergantungan ke atas import barang makanan berasaskan pertanian dan penternakan, akan tetapi bersikap terbuka dengan peningkatan import bahan-bahan mentah berasaskan pertanian dan penternakan bagi tujuan menjana pertumbuhan industri agrimakanan dan pemprosesan;
- Untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran industri pertanian, penternakan dan agrimakanan dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti Public Private Partnership (PPP) dan lain-lain;
- Untuk mewujudkan peluang-peluang pelaburan dan perniagaan tempatan dalam industri pertanian, penternakan dan agrimakanan yang akan menyumbang kepada penjanaan pekerjaan kepada rakyat tempatan;
- Untuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan bagi melindungi industri pertanian, penternakan dan agrimakanan daripada serangan dan jangkitan penyakit tumbuhan, musuh perosak dan penyakit haiwan yang berjangkit kepada manusia (*zoonotic diseases*) demi kedayatahan industri-industri berkenaan;
- Untuk memastikan jaminan mutu dan keselamatan hasil-hasil makanan berasaskan industri pertanian, penternakan dan agrimakanan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk;

STATUS MASA KINI

RINGKASAN PERTANIAN & AGRIMAKANAN (2016)


KAWASAN PERTANIAN YANG DIMAJUKAN	
Ternakan	2,882.25 ha
Tanaman	4,478.26 ha
JUMLAH	7,360.51 ha

PENGUSAHA PERTANIAN & AGRIMAKANAN	
Ternakan	828
Tanaman	4,444
Agrimakanan	370
JUMLAH	5,642

Nota :

Kawasan pertanian yang dimajukan adalah termasuk tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), Ladang Sedia Ada – EDR & TOL, Penempatan Peladang Muda dan Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB)

TREN PENGELUARAN PERTANIAN 2011 - 2016




Nota :

Peningkatan sebanyak 59.85% dalam tempoh 5 tahun (2011–2016)

CAGR: 9.84%

SUMBANGAN KDNK



Nota:

1. KDNK bagi tahun 2016 adalah anggaran awal dan pengiraan data baru dengan menggunakan "tahun asas 2010=100" (tanpa sektor Agrimakanan)
2. Sumber : Jabatan Perancangan & Kemajuan Ekonomi (JPKE)

ISU / CABARAN & LANGKAH PEMBAIKAN


Bil	Isu / Cabaran	Langkah Pembaikan dan Menggandakan Keluaran
1	Kadar kematian bagi ayam pedaging yang meningkat bagi tahun 2016 iaitu 9.7% berbanding dengan tahun 2015 iaitu 8.5%;	Menggalakkan penternak-penternak untuk beralih daripada sistem konvensional kepada penggunaan teknologi tinggi seperti sistem reban tertutup, yang mana akan dapat meningkatkan jumlah pengeluaran berbanding dengan sistem konvensional dan juga mengurangkan kadar kematian dengan penggunaan sistem alam persekitaran dalaman reban yang terkawal;
2	Penurunan pengeluaran bagi telur berbenih sebanyak 0.7% dari tahun 2015;	Menyarankan penternak mempraktikkan Amalan Baik Pemeliharaan Ternakan (GAHP) di dalam penternakan;
3	Masalah pembekalan anak ayam yang tidak konsisten dari pengeluar tempatan; yang mana pada masa ini hanya 2 buah syarikat sahaja yang membekal anak-anak ayam kepada pengusaha tempatan;	Menawarkan tapak kepada pengusaha tempatan bagi penternakan ayam pembiak untuk meningkatkan hasil telur berbenih tempatan;
4	Kekurangan kemudahan infrastruktur asas seperti bekalan tenaga elektrik dan pembekalan air domestik kepada ladang-ladang ayam pedaging;	Meningkatkan kemudahan asas di tapak-tapak pertanian seperti kapasiti bekalan eletrik, bekalan air domestik dan jalan utama ladang melalui projek Rancangan Kemajuan Negara ke sebelas.

Bil	Isu / Cabaran	Langkah Pembaikan dan Menggandakan Keluaran
5	Fenomena kemarau (El-nino) yang berpanjangan menyebabkan kenaikan suhu udara hingga mencapai 34°C, perubahan dalam taburan hujan dan kekurangan sumber air yang memberi kesan negatif ke atas pengeluaran hasil tanaman;	Peladang-peladang adalah dinasihatkan untuk menyediakan sistem pengairan yang efektif disamping menggunakan teknologi perladangan seperti sistem fertigasi, rumah terlindung (greenhouse) bagi mengelakkan kesan fenomena kemarau yang berpanjangan di masa akan datang;
6	Produktiviti ladang masih rendah dan kawasan ladang yang dibenarkan belum diusahakan secara optima;	Peladang-peladang adalah disarankan untuk mengusahakan tapak pertanian yang diberikan secara optima dan mengamalkan Amalan Pertanian Yang Baik (GAP) agar dapat mengeluarkan hasil seperti yang disasarkan.
7	Pasaran domestik yang agak kecil yang menghadkan pengusaha untuk mengembang-luaskan pengeluaran;	Menarik Pelabur Langsung Asing (FDI) bagi memajukan industri florikultur dan seterusnya akan dapat menembusi pasaran eksport. Pengusaha tempatan juga digalakkan bekerjasama dengan FDI bagi mendapatkan kesempatan dalam pemasaran eksport;
8	Kuasa beli (purchasing power) konsumen di Negara Brunei Darussalam dalam pembelian tanaman hiasan dan bunga keratan adalah terhad berbanding dengan keperluan asasi yang lain;	Menarik pelabur tempatan dan pelabur asing untuk melabur dalam industri florikultur dengan menggunakan teknologi tinggi seperti kaedah perladangan bertingkat, fertigasi, sistem rumah hijau (greenhouse) dan lain-lain bagi pengeluaran pasaran eksport.
9	Kos pengeluaran masih tinggi dan pengusaha tempatan tidak mampu untuk bersaing dengan harga produk import yang lebih rendah;	Menggalakkan kemasukan Pelabur Langsung Asing (FDI) bagi pengeluaran secara komersial untuk pasaran eksport;

	100. Cabutan	Langkah Pembaikan dan Pengjanaan Keseluruhan
10	Kekurangan modal permulaan (start-up capital) dan pusingan (working capital) untuk meningkatkan produktiviti perusahaan tempatan;	Menawarkan kawasan baru melalui Request For Proposal (RFP) untuk pengeluaran produk agrimakanan menggunakan teknologi tinggi yang menjurus kepada pasaran eksport;
11	Kekurangan pengetahuan dan pengalaman dalam penggunaan mesin dan teknologi pemprosesan makanan masa kini, piawai dan peraturan makanan serta maklumat pemasaran yang terhad (marketing intelligence);	Memberi bimbingan dan saranan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk meningkatkan produktiviti dengan cara mendapatkan suntikan modal seperti Venture Capital, struktur urustadbir (governance) yang kukuh dan penggunaan teknologi tinggi.
12	Produktiviti padi (mt/ha/tahun) masih belum mencapai sasaran;	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha untuk menghasilkan benih titih yang mampu mengeluarkan hasil dengan produktiviti sebanyak 8mt/ha/musim, untuk dibekalkan kepada pengusaha pada penghujung tahun 2017. Di samping itu, pihak Jabatan juga telah memulakan kerja-kerja penyelidikan melalui kerjasama tiga hala di antara Negara Brunei Darussalam, Republik Kesatuan Myanmar dan Republik Rakyat China untuk mendapatkan varieti-varieti padi yang mampu mengeluarkan hasil sebanyak 12mt/ha/musim untuk dibekalkan kepada peladang-peladang padi di ladang-ladang yang berpengairan pada tahun 2019.
13	Kekurangan infrastruktur termasuk sistem pengairan dan saluran;	Pihak Jabatan Pertanian telah pun memohon peruntukan di bawah RKN11 bagi pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan sistem pengairan dan saluran di Daerah Brunei Muara termasuk projek-projek pengairan di Daerah-daerah Tutong, Temburong dan Belait secara berperingkat-peringkat.

SASARAN DAN HALATUJU 2016-2020

SASARAN DAN TRAJEKTORI



Nota :


1. Data bagi tahun 2016 adalah hasil sebenar.
2. CAGR: 29.43%

INDUSTRI-INDUSTRI TUMPUAN

1. Ayam Pedaging
2. Sayur-sayuran
3. Bunga Keratan
4. Agrimakanan

INDUSTRI AYAM PEDAGING

TRAJEKTORI INDUSTRI AYAM PEDAGING



Nota :

1. Data bagi tahun 2016 adalah hasil sebenar.
2. CAGR: 26.87% (Menggunakan teknologi reban tertutup).

‘ECOSYSTEM & VALUE CHAIN’ INDUSTRI TERNAKAN AYAM PEDAGING



PEMBOLEHCARA

- | | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengusaha: ▪ Criteria: Progresif ▪ Berorientasi eksport
 ▪ Aktiviti Penternakan: ▪ Tapak bagi aktiviti penternakan ▪ Suntikan modal pelaburan ▪ Tenaga Elektrik dan Bekalan Air ▪ Sumber Tenaga Manusia ▪ Teknologi Pengeluaran ▪ Garispandu: ▪ GAHP/GMP/HACCP/Halal | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Keperluan Export: ▪ Pendaftaran Negara Brunei Sebagai pengeksport: ▪ Certificate of Origin ▪ Program Pemantauan Penyakit Haiwan Kebangsaan ▪ Perlaksanaan Akta (Veterinary Surgeon Order, Wholesome Meat Act, Animal (Disease and Quarantine) Order ▪ Perkhidmatan Makmal Kompeten — Pengiktirafan ISO 17025 ▪ Pengiktirafan GAHP/GMP/HACCP/Halal (Brunei) ▪ Penyimpanan & Penyejukan Produk ▪ Kekukuhan Jaringan Pasaran & Pemasaran ▪ Penjanamaan Produk ▪ Permit Impot / Ekspot ▪ ‘Certificate of Origin’ |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

‘SPIN-OFF’ INDUSTRI

- | | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Industri Pembinaan dan Kerja Kerja Tanah ▪ Teknologi Pengeluaran ▪ Kilang/Pembekal Makanan Ternakan ▪ Kilang Baja Organik ▪ Industri Kewangan & Insuran | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Badan Akreditasi dan Pensijilan ▪ Industri Kimia dan ubat-ubatan veterinar ▪ Perkhidmatan Pembuangan ▪ Perkhidmatan Teknikal Perladangan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Industri Pembungkusan ▪ Kemudahan fasiliti sejuk-beku (Cold Storage) ▪ Perkhidmatan Pengedaran dan Lojistik ▪ Pemprosesan sekunder ▪ Pusat Penerimaan/Kutipan (Collection Centre) |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

PELAN PELAKSANAAN

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*	Owner
		Sebenar 2016	Sasaran 2020				
A. Pertumbuhan Industri Ayam Pedaging	1. Peningkatan Keluaran (170%)	24,451.66 Mt \$111.65 juta	68,779 Mt \$289.29 juta	<p>Peningkatan Pengeluaran dari Ladang sedia ada:</p> <p>Pembukaan Kawasan Baru:</p> <ol style="list-style-type: none"> Semabat Birau Merangking (2022) <p>Menaiktaraf ladang :</p> <ol style="list-style-type: none"> Tanah Tuah Batumpu Sungai Tajau 	29,516 MT – 132.8 juta	<p>Jabatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan infrastruktur asas – Tenaga letrik, Air domestik. Menggalakkan suntikan modal pelaburan Mengeluarkan RFP bagi Semabat dan Merangking Penguatkuasaan KPI terhadap tapak-tapak KKP: <ol style="list-style-type: none"> Penarikan tapak Penukaran sewa tapak <p>Pengusaha:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memberikan khidmat nasihat Membantu penyerapan teknologi pertanian Penyelerasan pengurusan pasaran export 	Bahagian Industri Ternakan
	2. Peningkatan Produktiviti	68.25 Mt/ha*	102.51 Mt/ha*	<ul style="list-style-type: none"> Menaiktaraf Reban konvensional ke Reban tertutup 			
	3. Eksport	Nil	22,458 Mt* 80.85 juta*	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan akses pasaran ke Singapura 			


*berdasarkan pengeluaran dari Birau & Semabat

KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI AYAM PEDAGING

Tanah Tuah

Daerah:
Brunei Muara


Luas Kawasan:
56 hektar



Batumpu

Daerah:
Brunei Muara


Luas Kawasan:
42 hektar
(Syarat Ayam
Pedaging)



Sungai Tajau

Daerah:
Brunei Muara


Luas Kawasan:
4 hektar



Merangking

Daerah: Belait

Luas Kawasan:
200 hektar



Semabat


Daerah:
Temburong

Luas Kawasan:
200 hektar



INDUSTRI SAYUR-SAYURAN

TRAJEKTORI INDUSTRI SAYUR-SAYURAN



Nota :

- 1. Data bagi tahun 2016 adalah hasil sebenar.
- 2. CAGR: 51.12% (Menggunakan teknologi tinggi seperti Vertical Farming, LED, Rumah Terlindung)

'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI TANAMAN SAYUR-SAYURAN



PEMBOLEHCARA	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengusaha (Progresif, Berorientasikan eksport) ▪ Tapak ▪ Infrastruktur asas ▪ Kuota buruh yang mencukupi ▪ Pekerja mahir ▪ Teknologi ▪ Kewangan bagi pelaburan modal 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kajian pasaran ▪ Keperluan eksport: Akta penggunaan racun & baja, ▪ Brunei GAP piawaian ▪ Autoriti kompeten ▪ Persijilan makmal/keselamatan makanan
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembekalan biji benih ▪ Pembekalan kimia ladang 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawalan Kualiti ▪ Kawalan musuh dan penyakit ▪ Label

'SPIN-OFF' INDUSTRI	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembinaan dan kerja-kerja tanah ▪ Pembekalan mesin 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Konsultan dan latihan ▪ Penggredan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pek permulaan teknologi
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembekalan biji benih ▪ Pembekalan kimia ladang ▪ Pemeliharaan ladang 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahan pembungkusan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengangkutan


PELAN PELAKSANAAN

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*
		Sebenar 2016	Sasaran 2020			
Pertumbuhan industri sayur	1. Peningkatan Keluaran	13,952 Mt \$35 juta	78900 Mt \$181.41 juta	Pembukaan Tapak seluas 40 ha KKP Tungku (ATP)	3060 Mt / \$7.04 juta	<ul style="list-style-type: none"> • Penawaran tapak melalui RFP • Penambahbaikan kawasan tumpuan seperti jalan, longkang, mitigasi banjir • Pemasangan tambahan irrigation pipeline • Pemasangan tambahan elektrik dan paip air domestik • Pembinaan jalan baru • Penyediaan Electrical substation • Penyediaan peta dan koordinasi • Penyediaan kontrak perjanjian
				Pembukaan Tapak seluas 7ha, KKP Lumapas	702 Mt /\$1.6juta	
				Pembukaan Tapak seluas 60ha, KKP Sibongkok	5616 Mt /\$13juta	


Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*
		Sebenar 2016	Sasaran 2020			
Pertumbuhan industri sayur	1. Peningkatan Keluaran			Pembukaan tapak seluas 40ha, KKP Sinaut	450 Mt/ \$ 1.03 juta	<ul style="list-style-type: none"> • Penawaran tapak melalui RFP • Penambahbaikan kawasan tumpuan seperti jalan, longkang, mitigasi banjir • Pemasangan tambahan irrigation pipeline • Pemasangan tambahan elektrik dan paip air domestic • Pengusaha yang progresif • Pemindahan Teknologi • Latihan dan khidmat nasihat business model • Contract farming
				Peningkatan ladang sedia ada seluas 692 ha, KKP Batumpu, KKP Sg Tajau. KKP Birau, KKP Luahan. KKP Lumapas, KKP Sg Liang dan lain lain KKP tanaman sayur	68,080Mt / \$157 juta	<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian semula ladang yang kurang aktif • Penarikan ladang yang tidak aktif dan penawaran semula KKP melalui RFP atau tender • Menyediakan piawaian peningkatan pengeluaran sayur • Penambahbaikan sistem jalan, longkang, mitigasi banjir • pemasangan air domestik • penambahan pemasangan paip saluran pengairan lading • Meningkatkan latihan kepada peladang dalam pengurusan ladang • Memberi latihan dalam pengurusan kewangan kepada peladang • Memberi latihan teknologi tinggi kepada peladang

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*
		Sebenar 2016	Sasaran 2020			
Pertumbuhan industri sayur	2. Peningkatan Produktiviti per ha	20 mt/ha	80 -90 mt/ha	Pembinaan pusat pengumpulan, penyimpanan dan pengedaran		Penawaran tapak melalui RFP di kawasan strategik KKP Batumpu, KKP sinaut dan KKP Tungku
				Perisikan maklumat pasaran (Market research)		Permohonan peruntukan tawaran Market research <ul style="list-style-type: none"> Mengeluarkan tawaran Analisis maklumat Penyaluran maklumat kepada pelanggan
				Meningkatkan Pengiktirafan ladang		<ul style="list-style-type: none"> Roadshow kepada sekolah, peladang dan pengguna Menyenaraikan Brunei GAP sebagai salah satu keperluan dalam spesifikasi RFP, tender tapak dan penyambungan semula tapak Menjadikan produk Brunei GAP sebagai satu kewajipan dalam penyediaan makanan di kedai kedai dan retailer


Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*
		Sebenar 2016	Sasaran 2020			
Pertumbuhan industri sayur	3. Eksport	0 Mt \$0 juta	50,000Mt \$150 juta (Assumption 10% dari ladang sedia ada dan 10,000 Mt dari FDI)	Piawaian kualiti eksport <ul style="list-style-type: none"> • ASEAN GAP • Brunei GAP • Global GAP 		<ul style="list-style-type: none"> • Pengiktirafan ladang/produk
				Kuarantin treatment		<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan perkhidmatan kawalan penyakit dan musuh tanaman melalui quarantine treatment • Penyemakan piawaian kuarantin bagi setiap negeri pengimport
				Market access		<ul style="list-style-type: none"> • Business matching melalui perwakilan di luar negara atau perwakilan negara luar di Brunei • Penyemakan trade agreement dan free trade agreement negara pengimport
				Trade facilitation instrument		<ul style="list-style-type: none"> • Sanitary and phyto-sanitary standard • National single window • BIMP EAGA network • ASEAN Trade in Goods Agreement • WTO trade facilitation • Brunei International Air Cargo Courier • Cargo logistic • Tariff




Sinaut




Si Bongkok




Tanah Jambu



Tungku (ATP)




Lumapas



KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI SAYUR

INDUSTRI FLORIKULTUR

TRAJEKTORI INDUSTRI FLORIKULTUR



	2016	2017	2018	2019	2020
■ Bunga Keratan	0.12	1.53	8.68	20.10	30.11
■ Tanaman Hiasan	4.85	4.01	4.25	4.48	7.21
■ Loose Flower		0.03	0.06	0.11	0.16
—x— Jumlah Keseluruhan	4.97	5.58	12.99	24.69	37.49

Nota :

1. Data bagi tahun 2016 adalah hasil sebenar
2. CAGR: 65.73%

'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI FLORIKULTUR

PENUMBUHAN

LEPAS TUAI

**PENGGREDAN &
PEMBUNGKUSAN**

PENGEDARAN

PENGGUNA

PEMBOLEHCARA

- Pengusaha
- Tapak
- Infrastruktur asas
- Kuota buruh yang mencukupi
- Pekerja mahir
- Teknologi
- Kewangan bagi pelaburan modal
- Kajian pasaran

- Pembekalan biji benih
- Pembekalan kimia ladang

- Kawalan kualiti
- Kawalan musuh dan penyakit
- Label
- Penyimpanan (cold storage)
- Keperluan eksport: Keperluan negara import, rawatan kimia, kuarantin

- Keperluan eksport: Akta penggunaan racun & baja, Brunei GAP/ piawaian, Autoriti kompeten: persijilan, makmal bagi keselamatan makanan
- Penubuhan autoriti pemasaran
- Pengusaha:
- Kriteria: Progresif
- Berorientasi ke arah eksport

'SPIN-OFF' INDUSTRI

- Pembekalan biji benih
- Pembekalan kimia ladang
- Pemeliharaan ladang

- Pembinaan dan kerja-kerja tanah
- Pembekalan mesin
- Konsultan dan latihan
- Penggredan

- Bahan pembungkusan
- Pemprosesan

- Pek permulaan teknologi
- Agensi pemasaran
- Institusi kewangan
- Perkhidmatan pengurusan

- Pengangkutan

PELAN PELAKSANAAN

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan keluaran	Aktiviti utama*	Owner
		Sebenar 2016	Sasaran 2020				
Pertumbuhan Industri Florikultur	1.1 Peningkatan Keluaran (Bunga Keratan)	127,776 keratan \$0.12 juta	12,120,228 keratan \$30.11 juta	Penawaran tapak seluas 10ha, KKP Batumpu	6,854,400 keratan \$17 juta	Jabatan 1. Pengiklanan RFP Batumpu pada September 2016. 2. Peningkatan infrastruktur bagi mengelakkan banjir (<i>drainage</i>). Pengusaha <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan khidmat nasihat • Membantu penyerapan teknologi pertanian • Penyelarasan pengurusan pasaran eksport 	Bahagian Industri Tanaman
				Pembukaan Tapak seluas 21ha, KKP Mumong	5,140,800 keratan \$13 juta	1. Pengiklanan RFP Mumong pada Jan 2017. 2. Penyediaan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, air, jalan dan mitigasi banjir.	

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan keluaran	Aktiviti utama*	OWNER
		Sebenar 2016	Sasaran 2020				
Pertumbuhan Industri Florikultur	1.2 Peningkatan Keluaran (Tanaman Hiasan)	650,490 pohon \$4.85 juta	1,340,421 pohon, \$7.21 juta	Meningkatkan produktiviti ladang KKP	816,000 pohon, \$3.4 juta	Jabatan 1.Pemindahan teknologi 2.Panduan pengurusan ladang 3.Penarikan tapak yang tidak aktif Pengusaha <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan khidmat nasihat • Membantu penyerapan teknologi pertanian • Penyelarasan pengurusan pasaran eksport 	Bahagian Industri Tanaman
				Penarikan peladang baru dan memudahkan peladang dalam pengembangan perniagaan	340,000 pohon, 1.4 juta	Membantu dalam perancangan perniagaan dan kewangan	Bahagian Industri Tanaman
				Penawaran Tiga buah rumah-hijau KKP Tungku	108,000 pohon, \$1.4 juta	RFP diiklankan pada 12 Mac 2016. Tutup pada 12 Jun 2016. Lantikan dijangka pada bulan Julai 2016.	Bahagian Industri Tanaman
				Penawaran KKP Tungku seluas 1 ha (Japanese greenhouse)	72,000 pohon, \$ 1 juta	Sudah ditawarkan pada awal tahun 2016.	Bahagian Industri Tanaman


Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan keluaran	Aktiviti utama*	Owner
		Sebenar 2016	Sasaran 2020				
